

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
(SIK)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 17.03.2016

Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah permohonan yang diterima Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) untuk membina rumah mampu milik di peringkat nasional dan Parlimen Sik dan dari jumlah tersebut berapakah jumlah yang telah siap dibina, masih dalam pembinaan dan terbengkalai (juga pada peringkat nasional dan Parlimen Sik) sejak SPNB ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat Perumahan Negara Bhd (**SPNB**) telah ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 sebagai syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang bertujuan menyediakan rumah mampu milik dan rumah kos rendah yang berkualiti kepada setiap keluarga di Malaysia sejajar dengan Objektif Perumahan Negara. SPNB mempunyai tiga produk perumahan yang utama, iaitu Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M), Rumah Idaman Rakyat (RIR) dan Rumah Aspirasi Rakyat (RAR).

Fokus SPNB secara amnya adalah untuk memenuhi permintaan keperluan perumahan daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana (RM750 hingga RM10,000 sebulan) melalui Program RMR1M, RIR dan RAR.

1. Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)

Program RMR1M merupakan satu program tanggungjawab sosial Kerajaan melalui SPNB. Fokus Program RMR1M tertumpu kepada

golongan yang berpendapatan seisi rumah di antara RM750 dan RM3,000 sebulan dan memiliki tanah sendiri. RMR1M adalah rumah sesebuah setingkat berkeluasan 700kps hingga 1,000 kaki persegi yang dibina di atas tanah individu dengan harga jualan di antara RM45,000 dan RM65,000 seunit. Pemilikan RMR1M dihadkan kepada golongan yang belum memiliki rumah sendiri ataupun mendiami rumah yang usang atau tidak sempurna. Bagi program ini, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan (MOF) menyalurkan subsidi kepada SPNB seperti berikut:

- i. Subsidi harga seunit RMR1M pada kadar RM15,000 hingga RM20,000 seunit; dan
- ii. Subsidi kadar faedah sehingga 2% ke atas pinjaman komersial bagi menampung baki harga seunit RMR1M (RM30,000 hingga RM45,000 seunit).

Untuk makluman, pelaksanaan Program RMR1M ini adalah berdasarkan permohonan yang telah dibuat oleh penduduk bagi setiap kawasan Parlimen di seluruh Negara.

Sehingga kini, SPNB telah berjaya menyiapkan 34,774 unit RMR1M di seluruh negara. Program ini mendapat sambutan yang sangat baik di mana jumlah senarai menunggu terkini ialah sebanyak 18,925 permohonan.

2. Rumah Idaman Rakyat (RIR)

Program RIR baru diperkenalkan pada tahun 2014 dengan menumpukan kepada golongan seisi rumah yang berpendapatan di antara RM7,500 dan RM10,000 sebulan. Pembangunan RIR dijalankan secara berkelompok/ bercampur dengan harga jualan rumah tidak melebihi RM250,000 seunit (60% dari komposisi pembangunan) dan tidak melebihi RM350,000 seunit (40% dari komposisi pembangunan). Manakala harga jualan seunit/lot kedai pula tidak melebihi RM1,000,000.

SPNB melaksanakan pembangunan RIR di atas tanah yang dikurniakan atau usaha sama dengan Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun atau agensi-agensi Kerajaan yang

berkaitan.

3. Rumah Aspirasi Rakyat (RAR)

Program RAR adalah pembangunan kediaman komersil yang tertumpu di lokasi yang lebih strategik bagi memberi pulangan yang maksimum kepada SPNB. Harga rumah mampu milik yang ditawarkan adalah mengikut harga pasaran hartanah terkini namun ia lebih murah dan mampu dimiliki berbanding dengan projek yang dibangunkan oleh pemaju swasta yang lain.

Bagi negeri Kedah, sebanyak **8,242** permohonan telah diterima sejak Program RMR1M diperkenalkan pada tahun 2002. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **4,689** permohonan telah diluluskan di mana **4,406** unit telah siap dibina, **37** unit di peringkat pembinaan dan **246** unit lagi di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak **1,996** permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala baki **1,557** permohonan masih di dalam senarai menunggu.

Bagi Parlimen Sik, jumlah keseluruhan permohonan RMR1M yang diterima adalah sebanyak **846** permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak **453** permohonan telah diluluskan di mana **432** unit telah siap dibina, **1** unit di peringkat pembinaan dan **20** unit di peringkat memuktamadkan dokumen perjanjian. Sebanyak **276** permohonan telah ditolak kerana tidak mematuhi syarat-syarat kelayakan manakala baki **117** permohonan masih di dalam senarai menunggu.